



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PERASMIAN PERSIDANGAN “FAIR FUTURE FOR SEAFARERS: CHALLENGES AND SOLUTIONS” SECARA MAYA SEIRING TEMA HARI MARITIM SEDUNIA “SEAFARERS: AT THE CORE OF SHIPPING’S FUTURE”

Pelaut adalah salah satu profesion terpenting yang menyokong kehidupan moden dan perdagangan global. Sumbangan mereka dapat dilihat dengan jelas menerusi pakaian yang kita pakai, makanan yang kita makan, kenderaan yang kita gunakan serta bangunan-bangunan tempat kita tinggal dan bekerja.

Dalam ucapan perasmian persidangan maya anjuran Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL) hari ini, saya menekankan bahawa kita perlu melindungi kepentingan pelaut dan menangani masalah yang dihadapi oleh mereka yang bekerja dalam profesion ini.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang mewakili negara dalam Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) serius dalam menunaikan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan 6,108 pelaut aktif Malaysia yang memberikan khidmat kepada kira-kira 4,000 kapal asing dan domestik.

Komitmen ini dapat dibuktikan menerusi kesungguhan MOT apabila pelaut adalah antara yang terawal menerima vaksin bagi sektor pengangkutan dan logistik mulai 25 Jun 2021, yang juga merupakan Hari Pelaut Antarabangsa. Setakat ini, sejumlah 46,616 pekerja maritim telah diberi vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Dari jumlah itu, seramai 4,398 pelaut (72% daripada 6,108) telah menerima vaksin setakat ini dan proses vaksinasi sedang berjalan.

Bersempena dengan Hari Maritim Sedunia IMO yang bertemakan, “Seafarers: At the Core of Shipping’s Future”, persidangan hari ini bertujuan menarik perhatian global terhadap sumbangan yang diberikan oleh para pelaut kepada sektor perdagangan dunia dengan memastikan rantaian bekalan tidak terbantut walaupun berdepan keadaan yang sangat mencabar.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Saya ingin berterima kasih kepada IKMAL kerana berjaya menganjurkan persidangan ini dengan membariskan 12 orang penceramah dan 3 orang moderator yang merupakan profesional terkenal dalam pelbagai bidang di sektor maritim merangkumi pelaut, pemilik kapal, kepimpinan pihak berkuasa pelabuhan serta pegawai kerajaan.

Saya berharap persidangan ini dapat mengeratkan lagi persaudaraan maritim dan meneliti semua aspek cabaran yang dihadapi oleh pelaut, baik dari segi fizikal dan psikologi, terutamanya yang wujud ketika wabak COVID-19.

Perbincangan dan perkongsian daripada persidangan ini akan dijadikan sebagai laporan yang akan digunakan oleh MOT untuk merumuskan dasar yang lebih membina dan berdaya maju seterusnya membawa pembangunan serta penambahbaikan kepada sektor maritim secara keseluruhannya.

---

**LAUNCH OF “FAIR FUTURE FOR SEAFARERS: CHALLENGES AND SOLUTIONS”  
VIRTUAL CONFERENCE IN CONJUNCTION WITH THE WORLD MARITIME DAY’S  
THEME OF “SEAFARERS: AT THE CORE OF SHIPPING’S FUTURE”**

The seafarer is one of the most essential professions supporting modern life and global trade. Their contributions can be plainly seen by the clothes we wear, the food we eat, the vehicles we drive, and the very buildings we live and work in.

In my speech today to launch the “Fair Future For Seafarers: Challenges And Solutions” virtual conference organised by the Association of Malaysia’s Maritime Professionals (IKMAL), I stressed the need for us to protect the interests of our seafarers and address issues faced by the men and women working in this profession.

The Ministry of Transport, representing the country to the International Maritime Organization (IMO), takes the responsibility of looking after the welfare of Malaysia’s 6,108 active seafarers serving on close to 4,000 foreign and domestic vessels seriously.





As part of the Ministry's commitment to keep the wheels of commerce turning during the pandemic, seafarers were among the first vaccine recipients in the transport and logistics sector starting 25 June 2021, which is also the International Day of the Seafarer. To date, a total of 46,616 maritime workers have been vaccinated under Malaysia's National COVID-19 Immunisation Programme (PICK). From this number, we have vaccinated 4,398 seafarers (72% of 6,108) thus far and continue to do so.

In conjunction with the IMO's World Maritime Day theme "Seafarers: At the Core of Shipping's Future", today's conference is aimed at drawing global attention to the contributions that seafarers make to world trade by keeping supply chains opened despite extremely challenging conditions.

I thank and applaud IKMAL for successfully organising this event featuring 12 speakers and 3 moderators, who are renowned professionals of various disciplines crucial to the maritime sector, from seafarers, shipowners, port authority leadership, and government officers.

I hope that this conference brings the maritime fraternity closer and delves into all aspects of challenges faced by seafarers, both physical and psychological, and particularly those brought on as a result of the global pandemic.

The discussions and knowledge sharing from this conference will be compiled into a report from which the Ministry will formulate more constructive and viable policies to bring development and improvement to the maritime sector as a whole.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
30 SEPTEMBER 2021**

**-TAMAT-**

**Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

